

# Bantah adakan kerapatan adat

19/3/88

Oleh  
**BUSTAMAM AHMAD**

pada 21 November 1985.

"Kami juga sudah menyem-  
bahkan memorandum menge-  
nal 'pemecatan' itu kepada  
Dewan Keadilan dan Undang  
Negeri Sembilan berserta  
dengan 13 sebab kenapa be-  
liau patut dipecat.

## Aturan

"Ini bermakna kedudukan  
Datuk Shahbandar Shahari  
di segi aturan adat masih di-  
pertikaikan oleh sebilangan  
besar anak Waris di Air dari-  
pada empat Perut iaitu Pe-  
rut Nenek Sulong, Tok Susu  
Dara, Tok Susu Ganda dan  
Tok Susu Tunggal," katanya  
kepada Berita Harian, di  
sini.

Beliau berkata, seseorang  
penyandang pesaka tidak  
boleh menyertai sebarang  
urusan pentadbiran adat  
apabila kedudukannya di-  
pertikaikan oleh anak-anak  
Warisnya sendiri berdasar-  
kan kepada aturan adat dan

**S**EREMBAN, Jumaat —  
Sekumpulan anak Wa-  
ris di Air daripada em-  
pat Perut hari ini membantah  
cadangan Datuk  
Shahbandar Shahari Haji  
Hassan untuk mengadakan  
satu kerapatan adat esok  
bagi membincangkan soal  
campurtangan Datuk Muda  
Linggi dan Datuk Tiga Per-  
sukan dalam urusan pemili-  
han Undang ke-10.

Jurucakap yang mendakwa  
mewakili sebilangan besar  
anak Waris di Air daripada  
empat Perut berkenaan ber-  
kata Datuk Shahbandar Sha-  
hari tidak boleh memperge-  
rusikan kerapatan itu kerana  
kedudukannya di segi adat se-  
dang dipertikaikan oleh anak-  
anak Warisnya sendiri.

"Malah kami sudah pun  
mencapai kata sepakat untuk  
'memecat' Datuk Shahbandar  
Shahari daripada jawatan  
adat yang disandangnya da-  
lam satu kerapatan yang di-  
hadiri oleh anak-anak Waris  
di Air daripada empat Perut

pesaka Luak Sungai Ujong.

Berita Harian difaham-  
kan, Datuk Shahbandar Sha-  
hari akan mempengerusi-  
kan satu kerapatan adat  
yang dihadiri oleh ketua-ke-  
tua adat Luak Sungai Ujong  
daripada Cerak di Darat dan  
di Air di Balak Datuk Shah-  
bandar Kampung Be-  
langkan dekat sini esok.

Kerapatan itu dipercayai  
bertujuan membincangkan  
soal campurtangan Datuk  
Muda Linggi Abu Zarim  
Haji Mulop dalam urusan  
pemilihan Datuk Kelana  
Putra ke-10 baru-baru ini.

Datuk Abu Zarim dipecat  
oleh anak-anak Waris Datuk  
Muda Linggi dalam satu ke-  
rapatan adat di Rantau,  
kira-kira 22 km dari sini  
Rabu lalu.

Difahamkan juga antara  
13 sebab kenapa Datuk Shah-  
bandar Shahari 'dipecat' da-  
ripada jawatannya ialah ke-  
rana beliau dikatakan sudah  
tidak mendapat kepercay-  
aan penuh daripada sebi-  
langan besar anak Waris di  
Air daripada empat Perut.